

## **Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasah Syariyyah**

*Application of the Method of Changing the Rulings Due to Changes in Time in Siyasah Syariyyah*

MOHD IZZUDDIN BIN MOHD NOOR, Kolej Universiti Islam Melaka  
FATIMAH NADIRAH BINTI MOHD NOOR, Kolej Universiti Islam Melaka

Received: May 18, 2021 Accepted: June 5, 2021 Online Published: June 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### **ABSTRAK**

*Seringkali perubahan sesuatu hukum dalam sesuatu ijihad politik dipertikaikan oleh sesetengah golongan masyarakat. Hal ini disebabkan kejahilan mereka terhadap satu kaedah iaitu “Tidak Diingkari Perubahan Hukum Disebabkan Perubahan Masa”. Secara umumnya hukum Islam terdiri daripada dua bahagian iaitu yang kekal tidak berubah selama-lamanya dan juga tidak kekal boleh berubah mengikut kesesuaian zaman. Maka kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa dapat diaplikasikan dalam pendekatan Siyasah Syariyyah semasa. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana pengkaji akan mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab turath dan kontemporari, kajian-kajian ilmiah, fatwa-fatwa semasa berkaitan dengan kaedah perubahan hukum disebabkan perubahan masa dan juga Siyasah Syariyyah. Semua maklumat ini akan dianalisis dan dicernakan untuk mendapatkan gambaran sebenar berkaitan dengan aplikasi kaedah ini dalam politik Islam semasa. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaedah ini sangat penting untuk diterapkan dalam aspek Siyasah Syariyyah oleh pihak pemerintah dalam berhadapan dengan rakyat yang sering kali mempertikaikan sesuatu polisi yang dirasakan bercanggah dengan hukum syarak, sedangkan perubahan hukum berdasarkan perubahan masa tidak bercanggah sama sekali dengan Syariah.*

*Kata Kunci: Aplikasi, Perubahan Hukum, Perubahan Masa, Siyasah Syariyyah*

### **ABSTRACT**

*Often the change of a ruling in a political ijihad is disputed by some groups of people. This is due to their ignorance of one method which is “There is no denying the change of rulings according to the change of time. In general, Islamic rulings consist of two parts, which remain unchanged forever and also non-permanent, subject to the change according to the times. Therefore, this study is conducted to see to what extent the method of changing the rules with the change of time can be applied in the current Siyasah Syariyyah approach. This study is qualitative in which the researcher will collect information from turath and contemporary books, scholarly studies, current fatwas related to the method of ruling change due to the change of time and Siyasah Syariyyah. All this information will be analyzed and digested to get real overview related to the application of this method in current islamic political situations. The result of this study shows that this method is very important to be applied in the aspect of Siyasah Syariyyah by the government in dealing with the people who often dispute a policy that is perceived to contradict with Islamic rulings, while the changes in Islamic ruling according to the changes of time are not contradict at all with Syariah.*

*Keywords: Application, Change of Ruling, Change of Time, Siyasah Syariyyah*

### **PENDAHULUAN**

Islam merupakan ajaran yang bersesuaian untuk diamalkan pada sepanjang zaman. Ianya merupakan agama yang menjaga kemaslahatan Umatnya. Di dalamnya terdapat hukum-hukum yang kekal dan tidak akan menerima sebarang perubahan. Contohnya

seperti bilangan rakaat solat sebanyak 5 waktu sehari semalam, penetapan puasa wajib dan zakat fitrah yang hanya dilakukan pada bulan Ramadan. Ianya telah menjadi ijmak yang telah disepakati oleh Umat Islam keseluruhannya (Ibnu Qudamah 1968).

Di dalam bahasa Arab, hukum-hukum yang kekal ini dikenali dengan istilah الثوابت (*thawabit*). Ianya

membawa maksud hukum-hakam yang ditunjukkan oleh dalil-dalil yang *qatie dilalah*, *qatie thubut*, atau ijmak yang sahih (Shir Ali 2006). Ianya juga bermaksud, perkara-perkara dalam syariat, yang tidak boleh lagi diijtihadkan oleh mujtahid (Raid Nasri 2004). Secara ringkasnya, *thawabit* ialah merangkumi 5 rukun Islam, 6 rukun iman, akhlak-akhlak yang baik, asas-asas umum hukum kekeluargaan, muamalat, jihad, hubungan antarabangsa, kehakiman dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, *thawabit* juga ialah termasuk di dalam *المعلوم من الدين بالضرورة* (perkara-perkara agama yang wajib diketahui).

Menurut Abdul Aziz (2006), perkara-perkara agama yang wajib diketahui ialah hukum-hakam agama mutawatir sama ada am mahupun khas, yang telah disepakati ulama secara *qatie* seperti kewajipan solat, puasa dan pengharaman riba dan arak. Maka dapatlah difahami di sini, bahawa hukum-hakam yang kekal dan hukum agama yang wajib diketahui ini adalah perkara yang sama. Kedua-dua perkara tersebut tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Bahkan mempertikaikan dan mempersoalkan tentang perkara-perkara sebegini boleh menyebabkan seseorang individu Muslim terkeluar daripada agama Islam (Ibnu Taimiyyah 1995).

Selain itu, di dalam Islam juga, terdapat hukum-hakam yang boleh berubah mengikut masa, tempat dan keadaan. Istilah bagi hukum-hakam yang boleh berubah ini di dalam bahasa Arab ialah *المتغيرات* (*mutaghayyirat*). Ianya bermaksud hukum-hakam yang berasaskan kepada dalil *zanni thubut* atau *zanni dilalah*, dan boleh terikat dengan uruf budaya juga masalah yang berubah mengikut zaman (Shir Ali 2006). *Mutaghayyirat* merupakan perkara yang boleh diijtihadkan oleh mujtahid mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak (Raid Nasri 2004). Daripada sinilah, timbulnya banyak perbezaan pandangan di kalangan ulama dalam perkara yang diperselisihkan. Hal ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu seperti perbezaan pandangan dalam menghukumkan sesuatu hadis, perbezaan pandangan dalam memahami nas-nas syarak, perbezaan dalam menerima nas-nas yang tidak disepakati (al-Khafif t.t). Di samping itu juga, terdapatnya dalil-dalil yang kelihatan seperti bercanggah antara satu sama lain, atau tiada nas dalam sesuatu isu yang berbangkit telah menyebabkan berlakunya khilaf di kalangan ulama (al-Khin 1982).

Sesuatu yang tidak dapat disangkalkan lagi, bahawa perbezaan pandangan ulama atas faktor-faktor yang dinyatakan ini, memberikan rahmat dan kebaikan yang besar kepada Umat Islam. Menurut Ibnu Qudamah (1968) “telah dijadikan pada zaman salaf Umat ini, imam-imam hebat berilmu yang telah menerangkan kaedah-kaedah agama Islam, dan juga persoalan hukum hakam. Persepakatan mereka adalah hujah yang *qatie*, manakala ikhtilaf mereka adalah rahmat yang luas.” Ini telah menjadikan agama Islam, sebuah agama yang fleksibel dan anjal dalam mendepani tuntutan perubahan zaman. Tiada sesuatu

perkara yang berlaku pada setiap zaman, melainkan Syariah Islam akan memberikan penyelesaian dan jawapan terhadap kemusykilan yang dihadapi Umat Islam. Semua ini sudah semestinya berlaku dalam ruang lingkup hukum yang boleh berubah dan bukannya dalam hukum yang telah kekal buat selamanya.

#### KAEDAH PERUBAHAN HUKUM DENGAN BERUBAHNYA MASA

Kaedah ini merupakan kaedah yang dimasukkan dalam *Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah* dengan menggunakan istilah *لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان* (tidak diingkari perubahan hukum disebabkan perubahan masa) dan ianya bukanlah berasal daripada kata-kata ulama salaf (al-Ghamidi 2008). Maksud kaedah ini ialah hukum-hukum yang berubah ialah hukum-hakam yang berasaskan kepada uruf dan adat. Ini adalah kerana perubahan zaman menyebabkan berubahnya keperluan manusia. Dan apabila berubahnya keperluan manusia, maka akan berubah bentuk uruf dan adat. Manakala hukum-hakam yang dibina atas dalil-dalil syarak, bukannya atas uruf dan adat, maka ianya tidak akan berubah sama sekali (Ali Haidar 1991).

Uruf ialah apa yang diakui oleh jiwa manusia dengan dibuktikan oleh akal fikiran dan ianya juga diterima oleh *tabie’* semulajadi. Adat pula ialah sebarang hukum yang difikir logik oleh akal dan sentiasa dipegang dan menjadi rujukan oleh manusia (al-Jurjani 1983). Definisi yang dikemukakan oleh Al-Jurjani ini menunjukkan persamaan antara uruf dan adat iaitu melibatkan perkara yang sememangnya diterima pakai dan diakui oleh majoriti manusia secara umumnya.

Selain itu, terdapat juga kaedah lain yang mempunyai kaitan dengan kaedah ini iaitu *تغير الفتوى بتغير الأزمنة والأحوال* (berubah fatwa dengan berubahnya masa dan keadaan (Ibnu Qayyim 1991). Walaupun digunakan istilah fatwa, namun ia juga membawa maksud hukum kerana definisi fatwa ialah mengeluarkan hukum syarak yang diambil daripada al-Quran, Sunnah, Ijma’, dan Qias (Abdul Haq Hamish 2008).

#### SIYASAH SYARIYYAH

Siyasah Syariyyah bermaksud politik Islam yang merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu *Siyasah* dan *Syariyyah*. Perkataan *siyasah* berasal daripada *سوس* yang membawa maksud melaksanakan sesuatu yang memberikan kebaikan (Ibnu Manzur 1993). Selain itu ianya juga bermaksud memberi arahan dan larangan kepada rakyat (al-Fairuzabadi 2005). *Syariyyah* pula berasal daripada perkataan *شرع* dan *شريعة* yang membawa makna sumber minuman air (Ibnu Faris 1979). Takrif sebenar Syariah terbahagi kepada dua, yang pertama ialah apa-apa yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam kitab-kitabNya

atas lisan rasul-rasulNya (al-Syaukani 1993). Kedua, Syariah ialah apa yang didatangkan daripada hukum-hakam taklif, dan perlu mengamalkannya sama ada dalam bentuk suruhan, larangan, sunat, dan harus (Abu Zahrah t.t). Daripada kedua-dua definisi Syariah ini, kita dapat melihat bahawa definisi yang diberikan oleh al-Syaukani lebih umum merangkumi agama secara keseluruhannya berbanding definisi yang dikemukakan oleh Abu Zahrah yang memfokuskan kepada hukum-hakam Fiqh. Maka dalam konteks ini, kedua-dua definisi oleh al-Syaukani dan Abu Zahrah sesuai untuk digandingkan dengan istilah Siyasa. Hal ini kerana secara umumnya Siyasa Syariyyah juga melibatkan urusan penjagaan agama dan juga hukum-hakam Fiqh. Menurut Ibrahim Abdul Rahim (2006), kefahaman tentang politik Islam melibatkan dua aspek iaitu pertama ialah menggantikan kenabian dalam menjaga urusan agama dan mentadbir dunia dengan agama, keduanya ialah hukum atau keputusan yang dikeluarkan oleh pemerintah. Maka boleh dilihat di sini bahawa skop yang pertama atas dasar penjagaan urusan agama, manakala skop yang kedua terletak di bawah bidang fiqh yang anjal dan fleksibel.

Sebenarnya terdapat ramai ulama yang telah memberikan definisi khusus berkaitan dengan Siyasa Syariyyah sama ada ulama silam mahupun ulama moden. Menurut Ibnu Aqil, Siyasa Syariyyah ialah apa sahaja tindakan yang menyebabkan manusia dekat kepada kebaikan dan jauh daripada keburukan (Ibnu Qayyim, 1991). Siyasa Syariyyah juga membawa maksud sesuatu tindakan oleh pemerintah berdasarkan kemaslahatan pada pandangannya, walaupun tindakan tersebut tidak mempunyai sebarang dalil (Ibnu Nujaim t.t).

Ia merupakan satu ilmu yang membahaskan tentang pentadbiran hal ehwal negara Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem bertepatan dengan prinsip asas Islam, walaupun urusan pentadbiran tersebut tidak mempunyai sebarang dalil (Abdul Wahab Khalaf 1988). Menurut al-Zuhaili (1999), Siyasa Syariyyah ialah hukum-hakam yang menyusun atur fasiliti negara dan mentadbir urusan umat dalam keadaan menepati ruh syarak dan tujuan kemasyarakatan walaupun tiada dalil-dalil daripada al-Quran dan Sunnah yang menunjukkan akan perkara tersebut. Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan oleh ulama-ulama ini, secara mudahnya Siyasa Syariyyah merupakan sebarang bentuk pengurusan dan pentadbiran negara yang dijalankan tidak bercanggah dengan kehendak syarak walaupun tidak dinyatakan dalam dalil-dalil. Semuanya dilakukan untuk kemaslahatan dan kebaikan rakyat keseluruhan. Terdapat satu kaedah yang amat bertepatan dengan perkara ini iaitu;

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: Tindakan pemimpin ke atas rakyat mestilah berdasarkan kemaslahatan rakyat (al-Sayuti 1990)

Menurut al-Zuhaili (2006), kaedah ini menggariskan sempadan dalam pentadbiran am dan

Siyasa Syariyyah, di mana pemerintah adalah wakil kepada rakyat sepatutnya melaksanakan sesuatu perkara berasaskan kepada kemaslahatan dan kebaikan untuk kesemua rakyat dengan menegakkan keadilan, menentang kezaliman, memelihara hak dan akhlak, mengekalkan keamanan, menyebarkan ilmu dan sebagainya.

Dari sudut yang berbeza, hal ini menunjukkan bahawa apa sahaja perkara yang tidak bercanggah syarak walaupun ianya datang daripada agama atau fahaman yang berbeza dengan Islam boleh diterima dan diamalkan. Terdapat riwayat hadith masyhur yang menunjukkan akan hal ini iaitu:

الكلمة الحكمة ضالة المؤمن، فحيث وجدها فهو أحق بها

Maksudnya: Kebijaksanaan adalah barang tercicir kepunyaan orang beriman, di mana sahaja dia menjumpainya, dia lebih berhak untuk mendapatkannya. (riwayat Tirmizi hadis no 2687 dalam bab ilmu-ilmu)

Walaupun hadith ini dihukumkan sangat daif (al-bani 1991), namun dari sudut makna ianya benar. Menurut al-Munawi (1935), riwayat ini bermakna segala kebijaksanaan dalam bentuk ilmu dan idea pemikiran yang ditemui perlu diambil sebagaimana seorang lelaki menjumpai barangnya yang hilang. Ilmu dan idea tersebut perlulah diikuti dan dipraktikkan.

Dalam masa yang sama, Siyasa atau politik terbahagi kepada dua iaitu politik adil atau politik zalim. Politik adil ialah sistem politik yang telah diajarkan oleh hukum-hakam syarak. Manakala politik zalim pula ialah sistem politik yang diharamkan oleh syarak, berasaskan kepada hawa nafsu dan membawa kemudaratkan kepada Umat (al-Khayyat 1999). Maka dalam naratif ini, jika sekiranya politik zalim bercanggah dengan syarak, yang datangnya daripada amalan Orang Islam, ianya perlu ditolak. Jika sekiranya politik adil tidak bercanggah dengan syarak walaupun datangnya daripada amalan barat, ianya boleh diterima dan diamalkan.

## APLIKASI KAEDAH

Terdapat beberapa contoh yang telah berlaku pada zaman silam yang menjadi aplikasi kepada kaedah ini iaitu: zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab RA. Pada zaman tersebut, beliau telah menghentikan pembahagian asnaf Muallaf, menangguk pemotongan tangan bagi kes mencuri disebabkan kemarau, melarang perkahwinan dengan perempuan ahli kitab, menambahkan bilangan sebatan bagi kesalahan meminum arak kepada 80 sebatan. Semua ini dilakukan atas pertimbangan Maqasid Syariah yang melatari suasana pada zaman tersebut (Yusri Ibrahim 2011).

Faktor Saidina Umar RA menghentikan pembahagian asnaf muallaf ialah kerana beliau berpandangan, pembahagian asnaf tersebut dilakukan sebelumnya disebabkan bilangan Umat Islam yang masih sedikit berbanding dengan jumlah orang kafir

dan keadaan Umat Islam yang masih lemah pada waktu itu (al-Bahisin 2012). Apabila keadaan telah berubah pada zaman beliau, maka tiada keperluan lagi untuk memberikan zakat kepada golongan muallaf, bukan atas sebab ianya telah dinasakahkan (Ibnu Taimiyyah 1995). Penangguhan pemotongan tangan bagi kes pencuri pada zaman kemarau pula disebabkan alasan mencuri untuk memenuhi hajat keperluan sendiri. Mereka mencuri disebabkan keterdesakan untuk makan (Ibnu Qudamah 1968). Manakala larangan berkahwin dengan perempuan ahli kitab atas dasar hukum makruh kerana bimbang Umat Islam akan meninggalkan perempuan Muslimah dengan mengutamakan perkahwinan dengan perempuan Ahli Kitab (al-Baihaqi 2011). Saidina Umar RA menambah bilangan hukuman 40 kali sebatan kepada 80 kali sebatan dalam kes kesalahan meminum arak atas dasar takzir pada pandangan beliau sebagai pemerintah pada waktu itu (al-Nawawi 1971). Pada zaman Umar bin Abdul Aziz ketika beliau menjadi qadi di Madinah dan Yaman, beliau menerima penyaksian daripada seorang saksi sahaja. Namun apabila beliau di Shams, beliau menerima penyaksian hanya daripada dua orang kerana keadaan masyarakat yang tidak sama antara ketiga-tiga tempat tersebut (Yusri Ibrahim 2011).

Sebagaimana perubahan hukum boleh berlaku dalam isu politik Islam pada zaman dahulu, begitu juga ianya boleh berlaku pada zaman sekarang. Apatah lagi pada zaman moden sekarang, kepesatan teknologi dan kerencaman kehidupan seharian, telah menimbulkan banyak persoalan hukum yang baru. Ia telah menyebabkan berlaku perubahan hukum yang agak ketara. Sebagai contohnya sistem pemerintahan sesebuah negara pada hari ini terutamanya di kalangan negara-negara Komanwel banyak menggunakan corak pemerintahan berbentuk demokrasi (Mohd Azmir & Afi Roshezry 2019). Walaupun sistem ini tidak diamalkan pada zaman Rasulullah SAW, Khulafa' Rasyidin, dan pemerintahan umat Islam selepas daripada itu, namun oleh sebab dunia pada hari ini menganggap bahawa demokrasi merupakan sistem yang paling sesuai untuk diamalkan, maka ramai di kalangan ulama moden Gerakan Islam menerima dan mengharuskan penggunaan sistem pemerintahan negara sebegini. Mereka ialah Dr. Yusuf al-Qaradawi, Dr Muhammad Imarah, kebanyakan Ikhwan al-Muslimin, Dr. Hasan Turabi, Dr. Muhammad Salim al-Awa dan lain-lain lagi (Atiyyah Adlan 2011). Asas umum yang telah diletakkan oleh politik Islam ialah kepentingan melakukan syura dalam sesebuah pemerintahan. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT seperti dalam Surah al-Shura ayat 38:

وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Maksud: Dan dalam urusan mereka, mereka melaksanakan syura perbincangan sesama mereka.

Pelaksanaan syura boleh berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan. Dalam dunia pada hari ini, parlimen sebagai salah satu daripada tunjang penting demokrasi. Maka parlimen berfungsi sebagai

tempat untuk melakukan syura perbincangan antara pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Maka pelaksanaan konsep syura telah berlaku ketika persidangan parlimen berlangsung.

Di samping itu, perbincangan berkenaan dengan pengamalan sistem demokrasi akan membawa kepada tajuk-tajuk seperti kewujudan parti-parti politik, dan sistem pilihan raya untuk memilih pemimpin. Sebagaimana demokrasi itu sendiri, dihukumkan harus oleh kebanyakan ulama moden, begitu juga dengan kewujudan parti-parti politik yang tidak bercanggah dengan dasar syarak diharuskan. Ini merupakan pandangan kebanyakan ulama sekarang iaitu Dr. Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Mustafa Mashyur, Sheikh Muhammad Abu Zahrah, dan ramai lagi (Atiyyah Adlan 2011). Walaupun tidak dinafikan berlakunya pertembungan sesama parti-parti politik ini dalam agenda meraih sokongan rakyat, namun semua ini tidak lari daripada semangat dan ruh yang dijelaskan oleh al-Quran dalam Surah al-Baqarah ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيَهَا فَاسْتَبِقُوا الْحَيِّرَاتِ آيِنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksud: Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menjunnya; oleh itu berlumbalumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Sistem pilihan raya yang diamalkan oleh kebanyakan negara pula pada hari ini yang melibatkan penglibatan semua rakyat yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ulama silam telah bersepakat membolehkan pilihan raya dilakukan hanya oleh golongan yang dikenali sebagai *Ahli al-Hall wa al-'Aqd*. Namun ulama moden zaman sekarang seperti Syeikh Muhammad Rasyid Redha, Syeikh Abu A'la Al-Mawdudi, Dr. Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Abdul Kadir Audah, Dr. Abdul Karim Zaydan dan lain-lain lagi telah mengharuskan pilihan raya yang melibatkan kesemua atau majoriti ahli masyarakat dalam sesebuah negara. Antara hujah yang dikemukakan ialah perantikan khalifah adalah perkara ijihad yang tidak dinyatakan caranya secara spesifik oleh nas syarak, kerana ianya berubah mengikut zaman dan tempat (al-'Ajlan 2009).

Selain daripada itu, penyertaan masyarakat non Muslim di dalam urusan politik negara Umat Islam juga secara umumnya dibenarkan selagi mana mereka tidak mencampuri urusan yang berkaitan dengan hukum Syarak. Penyertaan mereka adalah di atas dasar mengemukakan pandangan polisi umum, dan menyampaikan permasalahan yang dihadapi oleh ahli masyarakat yang diwakili oleh mereka. Ini merupakan pandangan Dr Yusuf al-Qaradawi, Dr Mahmud al-Khalidi, dan juga Dr Abdul Karim Zaidan (Atiyyah Adlan 2011). Al-Quran memberikan gambaran ringkas berkaitan dengan perkara ini, apabila Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Nahl ayat 43 iaitu :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ فَسْأَلُوا أَهْلَ  
الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksud: Dan tidaklah Kami mengutuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan mereka adalah lelaki, yang Kami berikan wahyu kepada mereka. Maka bertanyalah kepada mereka yang mengetahui jika sekiranya kamu tidak mengetahuinya.

Menurut Dr Mahmud al-Khalidi (t.t) maksud 'mereka yang mengetahui' di sini ialah Ahli Kitab. Maka di sini ianya menunjukkan bahawa penyertaan golongan non Muslim dalam urusan politik negara umat Islam dibenarkan atas dasar masalah dan kebaikan bersama antara umat Islam dan non Muslim dalam sesebuah negara selagi mana bukan dalam urusan yang berkaitan dengan agama Islam secara khusus.

Selain daripada itu, penyertaan wanita dalam politik juga merupakan salah satu daripada contoh aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa. Keterlibatan wanita dalam urusan keduniaan sememangnya merupakan fenomena biasa yang berlaku pada hari ini. Ianya merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan lagi. Berbeza dengan zaman dahulu apabila wanita begitu sinonim dengan status surirumah yang hanya menjaga hal ehwal rumah tangga, suami, dan anak-anak, namun kini wanita telah memegang jawatan yang penting dalam sektor kerajaan mahupun swasta, menjadi pakar rujuk dalam segenap lapangan kehidupan. Ini termasuk juga dalam urusan politik, apabila wanita telah diberi kepercayaan untuk menjadi pemimpin politik dan wakil rakyat. Secara umumnya, menurut Ibnu Hazm (t.t), telah menjadi ijmak bahawa wanita tidak boleh dilantik sebagai pemimpin tertinggi dalam sesebuah kepimpinan negara. Hal ini bersandarkan kepada hadis nabi SAW iaitu:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ

(Riwayat Bukhari hadis no 4425 dalam kitab al-Maghazi)

Maksudnya: Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang diperintah oleh wanita.

Menurut al-Syaukani (1993), hadis ini menjadi dalil bahawa wanita bukanlah individu yang dilantik untuk memerintah. Namun dalam urusan politik yang lain, seperti menjadi wakil rakyat, dan menteri, kebanyakan ulama moden telah mengharuskan penglibatan wanita dalam jawatan tersebut. Antara ulama tersebut ialah Syeikh Shaltut, Syeikh Muhammad al-Ghazali, Dr. Abdul Hameed Mutawalli, Dr. Aisyah Abdul Rahman, Dr. Yusuf al-Qaradawi dan lain-lain lagi (Atiyyah Adlan 2011). Walaupun dalam beberapa negara umat Islam, perkara sebegini seolah-olahnya masih belum berlaku kerana masih kuat berpegang kepada adat resam tradisi lama tempatan disebabkan pemahaman yang sempit terhadap nas-nas syarak, namun perubahan ini sebenarnya telah mendominasi umat Islam secara keseluruhannya pada hari ini.

Kepimpinan wanita telah diterima apatah lagi apabila berkaitan dengan bidang yang sesuai dengan

naluri dan jiwa seorang wanita seperti pendidikan, psikologi, dan kekeluargaan. Perubahan ini disebabkan oleh realiti semasa yang menunjukkan bahawa golongan wanita lebih ramai yang terkehadapan contohnya dalam pengajian di universiti-universiti sehingga menyebabkan ramai di kalangan wanita yang berpendidikan tinggi berbanding lelaki. Hal ini disebabkan oleh kematangan, pencapaian lebih baik dan jumlah pelajar perempuan lebih ramai di peringkat menengah tinggi menyebabkan peratusan golongan itu lebih ramai diterima masuk ke institut pengajian tinggi (IPT)(Berita Harian 2020). Selain daripada itu, pemurnian akan hakikat sebenar dalil-dalil syarak juga turut menyumbang kepada penerimaan kepimpinan wanita. Contohnya ayat 34 Surah al-Nisa:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ

Maksud: Lelaki adalah pemimpin ke atas wanita disebabkan kelebihan sebahagian ke atas sebahagian yang lain.

Ayat ini walaupun secara zahirnya menunjukkan bahawa pemimpin mestilah di kalangan lelaki dan bukannya wanita kerana mempunyai kekuatan, namun pemahaman sebenar kepada ayat ini ialah berkaitan dengan urusan kekeluargaan dan bukannya kepimpinan secara umum(al-Khuli 2011). Bahkan ayat 97 Surah al-Nahl:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ

حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksud: Sesiapa yang beramal soleh di kalangan lelaki atau wanita dalam keadaan dia beriman, maka Kami hidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami berikan balasan yang lebih baik terhadap apa yang mereka lakukan.

Dan juga ayat 71 Surah al-Taubah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ

Maksud: Dan lelaki beriman dan wanita beriman sebahagian mereka adalah penolong kepada sebahagian yang lain.

Kedua-dua ayat ini menggambarkan peringkat persamaan penglibatan lelaki beriman dan wanita beriman dalam melakukan amalan soleh. Ini termasuklah dalam perkara yang melibatkan urusan membina masyarakat dan mengislahkan politik negara (Atiyyah Adlan 2011).

## APLIKASI KAEDAH TERKINI

Dunia pada hari ini ditimpa dengan ujian yang sangat getir apabila dikejutkan dengan kemunculan virus yang sangat bahaya iaitu Covid 19. Ianya berasal dan bermula pada bulan November 2019 di Wilayah Hubei China apabila sembilan kes pertama telah dilaporkan(Sinar Harian, 2020). Daripada kes yang pertama ini, ianya telah merebak dan berjangkit sehingga ke serata dunia. Menurut World Health Organization(WHO), setakat kajian ini dicatatkan, bilangan kes Covid 19 ialah sebanyak 171 782 908 yang telah dibahagikan kepada enam kawasan iaitu, Amerika, Asia Tenggara, Eropah, Timur

Mediterranean, Afrika dan Barat Pasifik. Jumlah kematian pula ialah seramai 3 698621 (WHO, 2021).

Penularan Covid 19 ini telah menyebabkan pihak kerajaan melaksanakan beberapa polisi baharu iaitu standard operating procedure(SOP) atau garis panduan & operasi standard. Semua perkara yang dilakukan oleh pihak kerajaan ini sudah semestinya termasuk dalam Siyasa Syariyyah walaupun melibatkan perkara-perkara yang berkaitan ibadat dan muamalat. Antara perkara yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha membendung penularan virus Covid 19 ini yang bertepatan dan menjadi contoh terkini kepada aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa ialah:

1. Penutupan masjid-masjid dan surau-surau atau menghadkan bilangan jemaah untuk menunaikan solat berjemaah di tempat ibadat ini. Pembukaan atau penutupan mahupun menghadkan bilangan jemaah dibuat berdasarkan kepada jumlah kes positif Covid 19 saban hari. Secara umumnya, masjid yang menjadi syiar kepada agama Islam mestilah dibuka seluas-luasnya oleh pihak pemerintah kepada Umat Islam untuk melaksanakan ibadat di dalamnya. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Nur ayat 36:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ وَيُسَبِّحَ لَهُ فِيهَا بِالْعُدْوَةِ وَالْأَصْلِ

Maksudnya: Di rumah-rumah Allah, diperintahkan supaya dimuliakannya, disebutkan namaNya dan disucikanNya pada waktu pagi dan petang.

Menurut al-Sa'di(2000), ayat ini memberikan gambaran tentang memakmurkan rumah Allah dalam dua keadaan: pertama; membina masjid dan memelihara kebersihannya, kedua; mengingati Allah dengan ibadat solat dan lain-lain. Maka disebabkan inilah, disyariatkan pelaksanaan solat lima waktu dan solat Jumaat di masjid, di mana hukumnya adalah wajib pada pandangan kebanyakan ulama.

Namun apabila tersebarnya Covid 19, langkah penutupan masjid atau bilangan jemaah dihadkan telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan daripada penularan wabak ini. Ketika awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP), hasil daripada Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang diadakan pada 15 Mac 2020, semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat ditangguhkan selama 10 hari memandangkan kes jangkitan Covid 19 pada waktu itu tinggi(Mufti Wilayah, 2020). Maka solat berjemaah dilakukan hanya di rumah, manakala solat Jumaat digantikan dengan solat Zohor. Namun perkara ini berubah-ubah bergantung kepada jumlah kes positif Covid 19 dari semasa ke semasa. Apabila terdapat pengurangan kes, pihak Majlis Keselamatan Negara juga telah membenarkan aktiviti di masjid surau dan telah mengeluarkan SOP aktiviti masjid

dan surau antara lainnya menyebutkan: tentang jumlah bilangan Jemaah maksimum ialah 1/3 daripada kapasiti dewan solat utama(JAKIM, 2020). Tindakan kerajaan ini tidak dapat disangkalkan lagi adalah tepat dan bersesuaian dengan kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa.

2. Penetapan arahan penjarakan saf dan pemakaian pelitup muka ketika solat berjemaah yang dilaksanakan di masjid-masjid dan surau-surau melalui Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Hukum asal saf bagi solat berjemaah adalah dirapatkan. Rasulullah SAW telah bersabda dalam hadis:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ، فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ  
(Riwayat Bukhari hadis no 723 dalam kitab al-Azan)

Maksudnya: Luruskan saf-saf kamu, sesungguhnya meluruskan saf-saf adalah sebahagian daripada solat.

Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama berkenaan hukum merapatkan saf solat berjemaah. Menurut pandangan jumhur ulama hukum merapatkan saf solat berjemaah ialah sunat, manakala sebahagian ulama mengatakan bahawa hukum merapatkan saf ialah wajib(Mausuah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah 2006). Manakala hukum asal perbuatan menutup muka ketika solat adalah makruh(Ibnu Qudamah 1968) berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan Abu Hurairah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ السَّدْلِ فِي الصَّلَاةِ وَأَنَّ يُعْطَى الرَّجُلُ فَاةَ

(Riwayat Abu Daud hadis no 643 dalam kitab al-Solat)

Maksudnya: Adalah Rasulullah SAW melarang meleretkan pakaian dan menutup mulut ketika solat.

Namun apabila terdapat keperluan untuk menjarakkan saf dan memakai pelitup muka ketika solat berjemaah terutama dalam berhadapan dengan musim Covid 19 ini, maka telah berlaku perubahan hukum daripada sunat merapatkan saf kepada harus menjarakkan saf, dan juga daripada makruh menutup muka kepada harus menutup muka ketika solat berjemaah.

3. Penetapan arahan larangan merentas daerah dan negeri sepanjang tempoh PKP di seluruh negara dan penutupan sempadan negara melainkan untuk tujuan-tujuan tertentu. Secara umumnya, Islam menggalakkan umatNya untuk melakukan musafir dan pengembaraan termasuk pelancongan ke mana sahaja tempat di atas muka bumi atas tujuan bukan untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyebutkan akan perkara ini. Bahkan menurut Ibnu Hazm(t.t), ulama telah bersepakat bahawa hukum musafir bagi lelaki adalah harus, begitu juga dengan pandangan Ibnu 'Abidin(1992), yang mengatakan bahawa hukum bermusafir diharuskan melainkan untuk ibadah haji dan perang jihad adalah merupakan satu

ketaatan yang wajib. Namun apabila terdapat arahan daripada pihak kerajaan supaya rakyat tidak merentas daerah, negeri, dan ke luar negara, hukum semua ini dalam ruang lingkup musafir yang asalnya adalah harus telah menjadikannya haram. Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُورِدَنَّ مُرْضٌ عَلَى مُصِحِّ  
(Riwayat Bukhari hadis no5771 dalam kitab al-Tibb)

Maksudnya: Jangan sesekali yang sakit mendatangi yang sakit

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ، فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا، فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

(Riwayat Muslim hadis no 2219 dalam kitab al-Salam)

Maksudnya: Apabila kamu mendengar sesuatu tempat dilanda wabak, maka jangan kamu masuki tempat tersebut, dan apabila sesuatu tempat dilanda wabak dan kamu berada di tempat tersebut, jangan kamu keluar daripada tempat tersebut untuk melarikan diri.

Hadis-hadis ini telah membenarkan pandangan terbaru Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Luqman Abdullah bahawa hukum melanggar larangan merentas negeri ditetapkan kerajaan untuk pulang ke kampung menyambut Aidilfitri pada tahun 2021 adalah haram (Sinar Harian 2021).

4. Pengenalan dan pembudayaan norma baharu di kalangan masyarakat seperti penjarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter, mengelakkan tempat yang sesak, sempit, dan sembang dekat. Selain daripada itu, pemakaian pelitup muka, tidak bersalaman dan bersentuhan juga telah diterapkan dalam cara kehidupan baru masyarakat hari ini. Secara umumnya Islam merupakan agama yang menitik beratkan soal hubungan manusia dengan Allah SWT dan juga hubungan manusia sesama manusia. Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعَمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا  
الْأَرْحَامَ، وَصَلُّوا وَالنَّاسَ نِيَامًا تَدْخُلُوا الْحِجَّةَ بِسَلَامٍ  
(Riwayat Al-Hakim hadis no 4283 dalam kitab al-Hijrah)

Maksudnya: Wahai manusia, sebarlah salam, berikan makanan, sambunglah hubungan silaturrahim, solatlah malam ketika manusia sedang tidur, maka kamu akan masuk syurga dengan kesejahteraan.

Bahkan Islam merupakan agama yang menuntut umatNya agar bermesra berjabat tangan antara satu sama lain apabila bertemu. Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ، فَيَتَصَافَحَانِ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ  
يَفْتَرِقَا  
(Riwayat Abu Daud hadis no5212 dalam bab tidur)

Maksudnya: Mana-mana dua orang muslim berjumpa, mereka bersalaman berjabat tangan, melainkan diampunkan dosa kedua-duanya sebelum mereka berpisah.

Apabila kita memerhatikan hadis-hadis nabi SAW ini, norma baharu yang diperkenalkan oleh

pihak kerajaan kelihatan tidak selari dengan apa yang telah disarankan oleh nabi SAW. Namun perubahan sesuatu adat diterima pakai dalam hukum syarak dengan pendekatan kaedah Fiqh “Adat Sebagai Sumber Hukum” (al-Sayuti 1990). Selain daripada itu, sahabat nabi SAW Ibnu Mas’ud pernah berkata:

فَمَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا، فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ، وَمَا رَأَى  
سَيِّئًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ سَيِّئٌ

(Riwayat Ahmad hadis no 3600 dalam bab Abdullah Ibnu Mas’ud)

Maksudnya: Apa yang dilihat baik oleh orang Islam, maka ianya dikira baik di sisi Allah, apa yang dilihat buruk oleh orang Islam, maka ianya dikira buruk di sisi Allah.

Orang Islam, pada pandangan pengkaji di dalam riwayat ini, diwakili oleh pihak kerajaan yang mempunyai kuasa dan autoriti dalam menentukan dasar-dasar yang memberikan kebaikan kepada rakyat. Walaupun terdapat bantahan daripada sebahagian ahli masyarakat terhadap dasar-dasar sebegini, hukum atau dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan mestilah diikuti dan mengangkat khilaf perselisihan tersebut (al-Sayuti 1990).

## KESIMPULAN

Sesuatu perkara yang tidak dinafikan bahawa perubahan hukum boleh berlaku disebabkan perubahan masa dan keadaan. Hal ini telah menyebabkan penerusan kegemilangan Siyasa Syariyyah dalam menghadapi tuntutan perubahan zaman sejak dahulu sehinggalah sekarang. Antara contoh bukti yang nyata berkenaan dengan aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa dalam Siyasa Syariyyah ialah apa yang telah dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab RA pada zamannya iaitu menghentikan pembahagian asnaf muallaf, menangguhkan pemotongan tangan bagi kes mencuri disebabkan kemarau, melarang perkahwinan dengan perempuan ahli kitab, menambahkan bilangan sebatan bagi kesalahan meminum arak kepada 80 sebatan. Manakala pada zaman sekarang pula contoh aplikasi kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa ialah pengamalan sistem demokrasi, kewujudan parti-parti politik, sistem pilihan raya, dan penglibatan wanita dalam hal ehwal politik semasa. Dalam konteks terkini, kaedah perubahan hukum dengan berubahnya masa dapat diaplikasikan dalam menjustifikasikan tindakan kerajaan melaksanakan SOP menangani penularan Covid 19 seperti penutupan masjid-masjid dan surau-surau atau menghadkan bilangan jemaah untuk menunaikan solat berjemaah, penetapan arahan penjarakan saf dan pemakaian pelitup muka ketika solat berjemaah, penetapan arahan larangan merentas daerah dan negeri sepanjang tempoh PKP di seluruh negara, pengenalan dan pembudayaan norma baharu.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Muhammad. 2006. *Nawaqid al-Iman al-Qauliyyah wa al-Amaliyyah*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Abu Daud, Sulaiman bin Ash'ath. t.t. *Sunan Abi Daud*. Jilid 1 & 4. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Abdul Haq Hamish. 2008. *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah*. UAE: Jamiah Al-Shariqah,
- Abdul Wahab Khalaf. 1988. *Al-Siyasah al-Syariyyah fi al-Syu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maaliyyah*. t.t: Dar al-Qalam.
- Abu Zahrah, Muhammad bin Ahmad. t.t. *Zahrah al-Tafasir*. Jilid 4. Kaherah: Dar al-Fikr Al-Arabi.
- Al-'Ajlani, Fahad ibn Soleh. 2009. *Al-Intikhabat wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islami*. Riyadh: Dar Kunuz Ishbiliya.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1991. *Da'if Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Bahisin, Yaakob ibn Abdul Wahab. 2012. *Qa'idah al-'Adah Muhakkamah Dirasah Nazariyyah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Baihaqi, Ahmad ibn Husin. 2011. *Al-Sunan al-Kabir*. Jilid 14. t.t: Markaz Hijr.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2001. *Sahih al-Bukhari*. Jilid 1, 6 & 7. t.t: Dar Thuq al-Najat.
- Al-Fairuzabadi, Muhammad ibn Yaakob. 2005. *Al-Qamus Al-Muhit*. Jilid 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ghamidi, Hiza' bin Abdullah. 2008. *Muhawalat al-Tajdid fi al-Usul Fiqh wa Da'watihi Dirasatan Wa Taqwiman*. Jilid 2. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiah.
- Al-Hakim, Muhammad bin Abdullah. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ali Haidar. 1991. *Durar al-Hukkam fi Syarh Majallah al-Ahkam*. t.t: Dar al-Jil.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1983. *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Khafif, Ali. t.t. *Asbab Ikhtilaf Fuqaha'*. Kaherah: Dar Al-Fikr al-Arabi.
- Al-Khayyat, Abdul Aziz Izzat. 1999. *Al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Khin, Mustafa Said. 1982. *Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawa'id al-Usuliyyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha'*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Munawi, Muhammad Abdul Rauf bin Taj Al-Arifin. 1935. *Faid al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir*. Jilid 5. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Sa'di, Abdul Rahman bin Nasir. 2000. *Taisir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Manan*. t.t: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sayuti, Abdul Rahman bin Abi Bakar. 1990. *Al-Ashbah Wa al-Nazair*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. 1993. *Fath al-Qadir*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. 1993. *Nail al-Autar*. Jilid 8. Mesir: Dar al-Hadith.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. 1998. *Sunan al-Tirmizi*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Garb al-Islami.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. 2006. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi Mazahib al-Arba'ah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1999. *Al-Zarai' fi al-Siyasah al-Syariyyah wa al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Maktabi.
- Atiyyah Adlan. 2011. *Al-Ahkam al-Syariyyah Linnawazil al-Siyasiyyah*. Mesir: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar. 1992. *Radd al-Muhtar*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Faris, Ahmad bin Faris. 1979. *Maqayis al-Lughah*. Jilid 3. t.t: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. t.t. *Maratib al-Ijma'*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. 1993. *Lisan al-'Arab*. Jilid 6. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. t.t. *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Jilid 5. t.t: Dar al-Kitab al-Islami.
- Ibnu Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar. 1991. *I'lam Al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 1968. *Al-Mughni*. Jilid 1 & 9. Kaherah: Maktabah Al-Kaherah.
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. 1995. *Majmu' al-Fatawa*. Jilid 12 & 33. Madinah: Majma' al-Malik Fahad.
- Ibrahim Abdul Rahim. 2006. *Al-Siyasah Al-Syariyyah*. Kaherah: Dar al-Nasr.
- Yusri Ibrahim. 2011. *Al-Musyarakat al-Siyasiyyah al-Mu'asarah fi Dau' al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- <https://elibrary.mediu.edu.my/books/2015/MEDIU01696.pdf> (Diakses pada 15 Januari 2021).
- [https://www.researchgate.net/publication/338036652\\_Demokrasi\\_Pilihanraya\\_dan\\_Cakna\\_Perlembagaan](https://www.researchgate.net/publication/338036652_Demokrasi_Pilihanraya_dan_Cakna_Perlembagaan) (Diakses pada 26 Januari 2021).
- [https://www.riyadhalelm.com/researches/4/296\\_thwa\\_bt\\_motgirat.pdf](https://www.riyadhalelm.com/researches/4/296_thwa_bt_motgirat.pdf) (Diakses pada 15 Januari 2021).
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/722545/pelajar-perempuan-lebih-matang-punca-ramai-masuk-ipt> (Diakses pada 2 Jun 2021).
- <http://damascusuniversity.edu.sy/mag/law/images/stories/277-312.pdf> (Diakses pada 2 Jun 2021).
- <https://www.sinarharian.com.my/article/73668/KHAS/Koronavirus/Kes-pertama-Covid-19-didaftarkan-di-China-pada-November-bukan-Disember> (Diakses pada 3 Jun 2021)
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah> (Diakses pada 3 Jun 2021).
- <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/2465-sop-aktiviti-masjid-dan-surau>



(Diakses pada 3 Jun 2021).  
<https://www.sinarharian.com.my/article/136259/BERITA/Nasional/Rentas-negeri-sambut-Aidilfitri-hukumnya-haram-Mufti-WP> (Diakses pada 4 Jun 2021).

Mohd Izzuddin bin Mohd Noor  
*izzuddin@kuim.edu.my*  
Kolej Universiti Islam Melaka  
MALAYSIA

Fatimah Nadirah binti Mohd Noor  
*fatimahnadirah@kuim.edu.my*  
Kolej Universiti Islam Melaka  
MALAYSIA

**KANDUNGAN / CONTENTS**

<b>Asas Forensik Dalam Islam Berdasarkan Sejarah Dan Elemen</b> <i>The Basics of Forensics In Islam Based on The History And Elements</i> Athirah Mahussin, Nurbazla Ismail, Abdul Basir Mohamad	1-8
<b>Mapping The Common Law Concept of Misrepresentation in Contract Under The Islamic Law</b> Norhoneydayatie Abdul Manap, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Amirah Madihah Adnan	9-16
<b>Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan</b> <i>Muslim Scholars Guidances on Prevention of Pandemic:An Overview</i> Mohd Sophian Bin Ismail, Mohd Arif Bin Nazri, Najah Nadiyah Binti Amran	17-28
<b>Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah</b> <i>Judgment Debtor Summons: Requirements for Maintenance Order or Recovery of Arrears of Maintenance Order</i> Mohd Hazwan Ismail, Jasni Sulong	29-38
<b>Baby Hatch Menurut Perundangan Malaysia dan Syarak</b> <i>Baby Hatch According to Malaysian Law and Syarak</i> Syahida Nafisah Hishamuddin, Wafaa' Yusof	39-52
<b>Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasa Syariyyah</b> <i>Application of the Method of Changing the Rulings Due to Changes in Time in Siyasa Syariyyah</i> Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor	53-61

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(1)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi  
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh  
Dr. Asman Taeali  
Dr. Muhammad Yasir Yusuf  
Dr. Ahmad Nizam  
Dr. T. Meldi Kesuma  
Sarjiyanto  
Shinta Melzatia  
Dr. Hamza Hammad  
Dr. Nazlida Muhamad  
Dr. Madiha Riaz  
Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 6(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).  
You can download an electronic version online. You  
are free to copy, distribute and transmit the work  
under the following conditions: Attribution – you  
must attribute the work in the manner specified by  
the author or licensor (but not in any way that  
suggests that they endorse you or your use of the  
work); Noncommercial – you may not use this work  
for commercial purposes; No Derivate Works – you  
may not alter, transform, or build upon this work.